

07 JUL 2002

Pendang-Pengganti

WANITA UMNO TIDAK MAHU MAINKAN ISU BAKAL TPM, KATA RAFIDAH

PENDANG, 7 Julai (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno tidak akan memainkan atau membincangkan isu mengenai bakal Timbalan Perdana Menteri sepanjang tempoh kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Anak Bukit di sini.

Ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Wanita Umno sebaliknya akan memberi tumpuan penuh kepada kedua-dua pilihan raya kecil itu yang akan diadakan serentak pada 18 Julai ini.

"Wanita Umno tidak ada sebarang komen mengenai pengganti Timbalan Perdana Menteri, kita mahu tumpukan perhatian terhadap pilihan raya kecil ini sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Gerak Kerja Rumah 10 Barisan Nasional (BN) Pendang di sini, hari ini.

Beliau berkata Wanita Umno tidak mahu memikirkan siapa bakal Timbalan Perdana Menteri dan menyerahkan perkara kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menentukannya.

"Biarlah dan jika panjang umur nanti, kita tunggu Pak Lah (Abdullah) tentukan dalam tempoh 16 bulan nanti," katanya lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa beliau memilih Abdullah sebagai penggantinya apabila peletakan jawatannya dalam Umno dan kerajaan berkuatkuasa pada Oktober tahun depan.

Sementara itu, Rafidah berkata jentera pilihan raya Wanita Umno kini bersedia sepenuhnya bagi menghadapi pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu.

Katanya Wanita Umno mempunyai 3,000 petugas pilihan raya yang mampu melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan kemenangan BN dengan tumpuan gerak kerja kepada kempen dari rumah ke rumah, merayu undi dan kerja-kerja kebajikan.

Beliau berkata latihan dan penerangan yang secukupnya telah diberikan kepada anggota jentera Wanita Umno bagi menghadapi sebarang ancaman daripada pihak pembangkang sepanjang tempoh pilihan raya ini.

"Kita pasti akan bekerja keras dan akan menyokong siapa sahaja calon yang dipilih oleh pucuk pimpinan untuk bertanding," katanya.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit itu diadakan berikutan kematian penyandanginya yang juga Pesiden PAS Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lepas.

-- BERNAMA

MNH NAK